

28 OCT 2003

MAHATHIR-NIAGA/I

TONIK DR MAHATHIR BANTU LONJAKKAN SEKTOR NIAGA MALAYSIA

Fokus berita Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Jika anda melihat kepada sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri selama 22 tahun kepada negara dari sudut ekonomi, kebanyakan orang, jika tidak semua, akan mudah mengenal pasti apa yang ketara.

Ia termasuk rancangan pembangunan beliau ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju dalam Wawasan 2020, Lebuhraya Utara Selatan, Koridor Raya Multimedia, Menara Berkembar Petronas dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Atau penswastaan agensi kerajaan seperti Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Bhd, pelancaran projek kereta dan motosikal kebangsaan -- Proton, Perodua dan Modenas, mengadakan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan, dan menjadikan Langkawi sebagai tarikan pelancongan utama.

Atau peranan beliau sebagai jurujual nombor satu yang membawa rombongan ramai ahli perniagaan tempatan dalam lawatan rasmi ke luar negara untuk mendedahkan kepada pasaran yang belum diterokai. Ramai pemimpin korporat sedia mengakui bahawa mereka telah mendapat faedah daripada usaha Dr Mahathir yang membuka pintu kejayaan mereka.

Hari ini, Malaysia telah menjadi salah satu negara perdagangan utama dunia, dan juga berjaya mengeksport kepakaran dalam pembangunan prasarana.

Dalam sektor pelancongan-pun, Dr Mahathir telah mengorak langkah untuk melonjakkan industri ini sejak 1984 lagi. Ketika itulah label "Kenali Malaysia, Cintai Malaysia" diperkenalkan. Langkah tersebut telah membawa manfaat besar kepada industri pelancongan Malaysia.

Tetapi bagaimana pula dengan yang tidak ketara atau tidak begitu jelas? Dari sudut ini, beliau sebenarnya mungkin telah membawa perubahan paling besar kepada suasana perniagaan di Malaysia, khususnya dalam memperbaiki situasi perniagaan dan menawarkan insentif cukai kepada pelabur dan usahawan.

Beliau memulakan konsep Pensyarikatan Malaysia di mana beliau menggariskan faedah kepada negara menerusi kerjasama erat antara kakitangan kerajaan dan masyarakat perniagaan.

Sebelum menjadi perdana menteri, Dr Mahathir, ketika menjadi timbalan perdana menteri dan menteri perdagangan dan industri lagi, telah membawa perubahan besar di mana beliau memperkenalkan agensi sehati bagi pelaburan menerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Idea penubuhan agensi sehati itu merupakan pemulaan pendekatan pembaharuan beliau untuk mengekalkan kos perniagaan di paras yang rendah di mana bakal pelabur dan usahawan tidak lagi perlu ke beberapa agensi kerajaan untuk mendapat kelulusan.

Dari sudut cukai pula, beliau mengubah rejim cukai Malaysia yang kemudiannya menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelaburan paling menarik bagi kedua-dua pelabur asing dan usahawan tempatan.

Beliau telah melaksanakan beberapa perubahan kepada insentif cukai langsung dan tidak langsung, termasuk pemberian status perintis yang menawarkan pengecualian cukai yang besar, elaun cukai pelaburan, elaun penyelarasan industri dan elaun prasarana.

Sehingga presiden Pakistan, Pervez Musharraf, baru-baru ini memuji Dr Mahathir kerana pembaharuan tersebut yang telah membawa keuntungan ketara untuk Malaysia.

Sejak beliau menjadi perdana menteri pada 1981, Dr Mahathir telah

mengurangkan cukai pendapatan korporat daripada setinggi 50 peratus pada 1970-an kepada 28 peratus sekarang, seterusnya menjadikan Malaysia amat mesra perniagaan. Cukai pendapatan individu pula telah diturunkan daripada 60 peratus bagi kategori utama kepada 28 peratus sekarang.

Perubahan ini jelas mengkagumkan kerana setiap potongan cukai satu peratus pada harga hari ini mengakibatkan kerugian pendapatan sebanyak RM900 juta di pihak kerajaan.

Pada 1980, kerajaan mengutip cukai langsung berjumlah RM5.45 bilion dan cukai tidak langsung RM6.4 bilion. Tetapi pada 2004, cukai langsung dianggarkan sebanyak RM47 bilion dan cukai tidak langsung RM125 bilion.

Perunding cukai Yong Poh Chye berkata apabila jumlah cukai tidak langsung mengatasi cukai langsung, ia menunjukkan bahawa negara kini bergerak ke arah status negara maju.

Dr Mahathir juga berperanan penting dalam mengukuhkan sektor perbankan tempatan dan membawa perbankan Islam ke pelantar yang lebih tinggi.

Tidak dilupa juga seruan beliau supaya rakyat Malaysia beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dalam menghadapi persaingan yang lebih sengit dari negara pengeluar kos rendah, dan untuk mengekalkan tempo langkah ke arah menjadi negara maju menjelang 2020.

Mungkin, kejayaan terbesar Dr Mahathir untuk masyarakat perniagaan, dan mungkin untuk setiap rakyat, ialah menentang arus konvensyenal dengan memperkenalkan kawalan modal secara berpilih dan tambatan ringgit pada 1 Sept. 1998 ketika Malaysia terpalit dengan krisis kewangan serantau.

Sebelum itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengesyorkan agar Malaysia mengikut telunjuknya dan menelan penawar pahit dasar kewangan yang ketat dan berbagai langkah lain kurang enak.

Di peringkat awal, IMF bimbang kawalan tukaran berpilih akan digunakan untuk mengelak dasar penyelarasan, dan pandangan awal ini telah menyebabkan pelabur dan penganalisis pasaran memberi reaksi negatif.

Tetapi dalam kertas kerja bertajuk "Malaysia: From crisis to recovery", IMF mengakui bawa penilaian pasaran kemudian menjadi lebih positif apabila jelas dasar ekonomi makro Malaysia tidak menyimpang, dan kadar tukaran tambatan yang rendah telah menyumbang kepada pemulihan eksport dan pengeluaran yang pesat.

Hari ini, semua berpuas hati apabila melihat IMF memuji Malaysia selepas krisis tersebut, dan berkata kawalan dan tambatan ringgit merupakan langkah dasar utama yang membezakan Malaysia dari negara-negara lain yang dilanda krisis seperti Thailand, Indonesia dan Korea Selatan.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, juga berkata kepimpinan dinamik Dr Mahathir dalam mengendalikan krisis merupakan warisan negara.

Bagaimana Dr Mahathir mengendalikan masalah itu pada masa tersebut? Bagaimana beliau memutuskan apa yang harus menjadi keutamaan beliau?

Mungkin jawapan kepada kenapa dan bagaimana Dr Mahathir menangani pelbagai cabaran dengan berkesan bergantung kepada latar belakang beliau sebagai pengamal perubatan.

Sebagai doktor, beliau dapat mengenal pasti sesuatu keadaan dengan lebih baik dalam situasi tertentu, katanya.

Dalam bukunya berjudul "New Deal for Asia", beliau mendedahkan bahawa ketika beliau aktif sebagai pengamal perubatan, beliau dapat mengenal pasti penyakit dengan cepat.

Latihan ini, katanya, menjadi berguna kepadanya dalam bidang politik di mana seseorang itu perlu sentiasa mengukur reaksi orang lain dan mesti dapat membezakan antara yang benar dan yang tidak.

Beliau menulis: "Doktor melakukan proses memerhati pesakit, mencatat sejarah perubatannya, kemudian membuat pemeriksaan fizikal, menjalankan

ujian makmal, dan kemudian membuat diagnosis. Proses ini sama dengan dalam politik.

"Apabila saya menghadapi masalah politik, saya memerhati segala aspek masalah, termasuk dimensi sejarah, menganalisa secara terperinci untuk mengenal pasti sebarang tanda, kemudian saya melakukan ujian makmal dan akhirnya membuat rumusan dan merangka pelan tindakan." -- BERNAMA

SHY MR JR